Vol. 24 No.2 (2024) Jurnal al-Sirat

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

Vol. 24 No. 2 (2024)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.unipsas.edu.my/

SOROTAN PEMBINAAN PERADABAN ISLAM MELALUI KERANGKA EPISTEMOLOGI ISLAM

A REVIEW OF ISLAMIC CIVILIZATION BUILDING THROUGH THE FRAMEWORK OF ISLAMIC EPISTEMOLOGY

Safiah Abd Razak[1], Mohd Hasmimie Mohd Yusof[2]

[1] Jabatan Dakwah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Peradaban Islam terbukti telah menyumbang kepada pembinaan tamadun dunia samada di Afrika, Asia, Andalus dan sebahagian besar Eropah. Pencapaian hebat ini meliputi bidang-bidang ilmu yang utama dan dicatatkan dalam sejarah. Rahsia kejayaan adalah terletak kepada kefahaman Islam yang seimbang dan syumul dalam kalangan para sarjana dan cendekiawan Islam. Artikel ini cuba membahaskan peranan kefahaman umat Islam terhadap konsep epistemologi Islam sebagai asas penting pembinaan peradaban Islam yang cemerlang. Kerangka epistemologi Islam ini akan diteliti bagi mengembalikan semula kegemilangan umat Islam masa lalu serta meletakkan kedudukan umat Islam masa kini sebagai khalifah Allah di muka bumi dalam posisi yang sebenarnya. Kajian ini bersifat kualitatif yang mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan. Data-data kajian dikumpulkan melalui buku-buku, jurnal-jurnal, kertas-kertas persidangan dan kajian ilmiah. Dapatan kajian merumuskan bahawa ilmu epistemologi penting dalam memahami asas-asas pengetahuan dan sumber kebenaran. Dengan mempelajari prinsip-prinsip epistemologi, umat Islam dapat memahami keabsahan dan kekuatan wahyu sebagai sumber pengetahuan yang utama. Perbezaan epistemologi Islam dan Barat adalah berbeza pada pendekatan asas, dan pemahaman asas mengenai pengetahuan dan sumber kebenaran. Epistemologi Barat cenderung berpusat pada pengetahuan yang diperoleh melalui pengamatan, penelitian ilmiah, dan akal manusia yang menjadikan sumber kebenaran utama adalah pengalaman empirikal dan metod saintifik. Ianya berbeza dalam Islam, peranan akal (reason) dan wahyu (revelation) saling berkaitan. Akal digunakan untuk merenung dan memahami wahyu, sementara wahyu memberikan petunjuk dan batasan bagi akal. Peradaban Islam masa lalu berjaya dibina ekoran kesyumulan fahaman umat Islam terhadap kerangka ilmu. Umat Islam dahulu memahami kedudukan ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah serta tuntutan integrasi antara kedua-dua ilmu tersebut. Strategi dan langkah penting yang perlu diambil oleh umat Islam hari ini bagi memegang teraju dunia dari segi pencapaian peradaban yang gemilang adalah kembali meneliti dan memahami epistemologi Islam seterusnya melaksanakannya berasaskan ketaqwaan kepada Allah S.W.T.

Perkembangan Artikel

Diterima: 31 Ogos 2024
Disemak: 29 September 2024
Diterbit: 31 Oktober 2024

*Corresponding Author: Safiah Abd Razak, Pensyarah Jabatan Dakwah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

Email: safiah@unipsas.edu.my

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

Kata Kunci: Peradaban. Epistemologi. Islam.

Abstract

Islamic civilization has undeniably contributed to the development of world civilization across Africa, Asia, Andalusia, and much of Europe. These remarkable achievements span key fields of knowledge and are well documented in history. The secret to this success lies in the balanced and comprehensive understanding of Islam among Muslim scholars and intellectuals.This article aims to explore the role of the Muslim community's understanding of the concept of Islamic epistemology as a crucial foundation for building a distinguished Islamic civilization. The framework of Islamic epistemology will be examined in order to revive the past glory of the Muslim ummah and to position contemporary Muslims in their rightful role as Allah's vicegerents on earth. This study adopts a qualitative approach through content analysis. Data were collected from books, journals, conference papers, and scholarly research. The findings conclude that epistemology is essential in understanding the foundations of knowledge and sources of truth. By studying the principles of epistemology, Muslims can better comprehend the validity and strength of revelation as the primary source of knowledge. The difference between Islamic and Western epistemology lies in their foundational approaches and basic understanding of knowledge and truth. Western epistemology tends to emphasize knowledge derived from observation, scientific research, and human reasoning, where empirical experience and the scientific method are considered the main sources of truth. In contrast, Islam integrates reason ('aql) and revelation (wahy) in a complementary manner. Reason is used to reflect upon and understand revelation, while revelation provides guidance and boundaries for reason. The past success of Islamic civilization was due to the holistic understanding of knowledge by Muslims, who recognized the roles of both fardhu 'ain (individual obligation) and fardhu kifayah (communal obligation), and the need to integrate both domains of knowledge. A critical step for Muslims today in reclaiming a leading position in global civilization is to re-examine, understand, and implement Islamic epistemology, founded upon piety (taqwa) to Allah S.W.T.

Keywords*: Civilization, Epistemology, Islam.*

PENGENALAN

Epistemologi adalah suatu disiplin ilmu yang membincang dan membahaskan tentang asal-usul, sumber, kaedah, proses dan had sesuatu ilmu ataupun pengetahuan sehingga membawa kepada pemahaman terhadap kebenaran yang hakiki. Terdapat perbezaan antara Epistemologi Islam dan Epistemologi Barat. Menurut epistemologi Barat, ilmu pengetahuan bermula pada zaman Greek. Ilmuan Greek silam seperti Thales, Socratos, Plato dan Aristotle dianggap sebagai pengasas atau pelopor ilmu pengetahuan manusia (Makmor Tumin. 2021)

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

Epistemologi Barat dibangunkan atas dasar kebendaan semata dan tidak dikaitkan dengan pencipta. Hal ini berbeza dengan Islam. Epistemologi Islam diasaskan untuk mengenal Allah S.W.T sebagai pencipta dan mengenal alam melalui fakta sains bagi membina dan membangunkan tamadun. Islam menjelaskan bahawa Allah SWT adalah sumber asal ilmu pengetahuan. Nabi Adam AS adalah manusia intelek pertama dalam kalangan umat manusia. Sebagai khalifah Allah SWT dalam kalangan manusia di muka bumi yang pertama, Nabi Adam AS diajarkan dan dibekali dengan ilmu pengetahuan tentang nama-nama benda serta fungsinya. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

> *"Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar."*
>
> (Surah Al-Baqarah, ayat 31)

Nabi Adam kemudiannya mewariskan ilmu-ilmunya kepada Shith bin Adam. Shith kemudiannya mengajarkan ilmunya kepada Nabi Idris A.S. Nabi Idris merupakan orang pertama yang menulis menggunakan pen dan menjahit pakaian daripada kapas. Baginda juga pengasas kepada ilmu sains, ilmu astrologi, ilmu astronomi, ilmu geometri dan mekanik. Ketika Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai nabi yang terakhir kepada umat manusia, ilmu pengetahuan adalah asas penting dan menjadi keutamaan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan wahyu pertama yang diturunkan melalui surah al-Alaq yang menyebut tentang ilmu dan perintah menuntut ilmu atas nama Allah S.W.T.

Maksudnya:

> *"Bacalah dengan nama TuhanMu yang menciptakan sekalian makhluk, ia mencipta manusia daripada segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya".*
>
> (Surah al-Alaq, ayat 1-5)

Perbezaan epistemologi Islam dan Barat adalah sumber ilmu pengetahuan. Dan matlamat ilmu pengetahuan. Epistemologi Barat cenderung berpusat pada pengetahuan yang diperoleh melalui pengamatan, penelitian ilmiah, dan akal manusia yang menjadikan sumber kebenaran utama adalah pengalaman empirikal dan metod saintifik. Ini sangat berbeza dengan Isla. Menurut Islam, akal (*reason*) dan wahyu (*revelation*) saling berkaitan. Akal digunakan untuk merenung dan memahami wahyu, sementara wahyu memberikan petunjuk dan batasan bagi akal. Pengetahuan tidak hanya bergantung pada akal semata-mata, tetapi juga menerima wahyu sebagai sumber kebenaran yang penting.

Pada hari ni, ilmu pengetahuan berkembang luas seiring dengan pencapaian teknologi komunikasi dunia moden. Sebahagian besar mempelajari ilmu daripada Barat sebagai pusat kemajuan zaman moden. Namun, umat Islam telah mengambil pengetahuan daripada Barat secara berleluasa malah sesetengahnya terlalu mengagungkannya sehingga tidak mampu

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

membezakan antara yang betul dan salah nilai murni yang di ajarkan Islam. (Aminullah et.al 2023) Ilmu yang sepatutnya mampu meninggikan darjat manusia sebagai khalifah Allah bertukar menjadi punca kerosakan dan keruntuhan peradaban.

Hakikatnya, perkembangan sains dan teknologi sejak abad ke 19 hingga kini telah dikuasai oleh Barat. Barat memperalatkan sepenuhnya teknologi moden untuk menguatkan cengkamannya ke atas masyarakat dunia termasuklah umat Islam. Kelahiran dan kemunculan falsafah pasca modernisme menjadi cabaran kepada umat Islam. Fahaman ini berpegang kepada penekanan kepada akal dan rasionalisma sebagai kriteria tertinggi ilmu dan sekaligus menolak penggunaan wahyu. Oleh yang demikian, usaha membangunkan peradaban umat Islam hari ini hakikatnya berdepan dengan cabaran yang getir. Ini kerana zaman globalisasi dan pasca moden yang wujud tidaklah mudah untuk diharungi (Wan Fariza et.al 2018). Zaman mutakkhir memperlihatkan kelemahan umat Islam dalam banyak aspek. Ia meliputi aspek politik, ekonomi sosial, malahan akhlak dan moralnya. Umat Islam perlu bangkit kembali memegang kendali dunia dan melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah dengan sempurna. Umat Islam hendaklah memahami konsep epistemologi Islam sebagai asas membina peradaban gemilang pada masa kini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan membincangkan konsep dan kepentingan epitemologi Islam sebagai kerangka penting membangunkan peradaban manusia kontemporari. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan pendekatan analisis kandungan. Data-data dikumpulkan melalui buku, jurnal, kajian ilmiah dan sebagainya. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman umat Islam tentang konsep epistemologi Islam sehingga dapat menyumbang kepada membina peradaban dunia sebagaimana yang dirintis oleh umat Islam terdahulu. Kerangka epistemologi Islam ini akan diteliti bagi mengembalikan semula kegemilangan umat Islam masa lalu serta meletakkan kedudukan umat Islam masa kini sebagai khalifah Allah di muka bumi dalam posisi yang sebenarnya.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Azhar & Yahya (2019) dalam bukunya membincangkan tentang ilmu-ilmu ketuhanan dalam kerangka epistemologi Islam. Manakala Mohd Radhi (2022) dalam bukunya bertajuk "Integrasi ilmu menurut epistemologi Islam" membahaskan tentang kepentingan integrasi ilmu dalam membangunkan umat Islam pada masa kini meliputi perbahasan tentang konsep integrasi ilmu dalam aspek kehidupan termasuk sumbangan USIM dalam usaha pengintegrasian pendidikan.

Syahirah & Mohd Syukri (2021) dalam artikelnya " Epistemologi Sains Halal : Kajian Ayat-ayat terpilih membincangkan tentang bagaimana konsep epistemologi dalam sains halal. Epistemologi sains halal meletakkan al-Qur"an dan hadis sebagai rujukan utama di samping terus melakukan kajian-kajian empirikal.

Kajian Jarman et.al (2023) merumuskan bahawa menurut al- Attas, paradigma sains berkait rapat dengan pandangan alam. Ini membuktikan bahawa sains dan teknologi moden tidak neutral dan tidak mempunyai nilai, termasuk agama. Ini mempunyai kesan ke atas

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

perubahan cara manusia melihat dan berfikir tentang sains dan kehidupan, mengakibatkan penyahsucian nilai, penyahsakralan, dan kekecewaan alam.

Dapatan kajian Zidan Abid (2023) menyimpulkan bahawa umat Islam wajar kembali memahami dan menerapkan hakikat ilmu dalam Islam sebagai respons terhadap dominasi ilmu pengetahuan barat. Syekh Abdul Qadir Al-Jailani menekankan pentingnya penguasaan empat jenis ilmu tersebut, yang mencakup aspek syariat, tarekat, makrifat, dan hakikat. Dengan demikian, penelitian ini memberikan kontribusi dalam memperkuat pemahaman hakikat ilmu dalam Islam dan menunjukkan relevansinya dengan era kontemporari.

SUMBANGAN PERADABAN ISLAM KEPADA PERADABAN DUNIA

Istilah peradaban berasal dari kata "adab" yang bererti sopan, berbudi pekerti, luhur, mulia, atau berakhlak. Peradaban juga membawa maksud kebudayaan yang tertinggi dalam kehidupan manusia, seperti dalam aspek seni, seni bina, kemajuan teknologi serta ilmu pengetahuan (Kamaludin, 2021). Menurut Ibnu Khaldun (1967) antara kalimah Arab yang mempunyai maksud yang sama dengan peradaban dan digunakan secara meluas ialah '*umran'*, '*hadarah'* dan '*maddana'*. Istilah tamadun berasal dari perkataan arab yang bermaksud budi bahasa dan kesopanan tingkah laku. Berasal daripada kata kerja *maddana* yang bermaksud memperhalusi budi bahasa dan memperelok tingkah laku serta upaya manusia dalam kemahiran bidang-bidang kehidupan, keupayaan menambah baik keahlian dalam bidang kelapangan dunia, mencipta dan menghasilkan ciptaan yang mengagumkan samada kemahiran membuat bangunan, tempat-tempat, dan lain-lain.

Tamadun Islam merupakan sebuah tamadun yang komprehensif dan unggul. Kelahiran dan perkembangan tamadun Islam telah melahirkan ramai sarjana dan para ilmuwan yang tersohor dalam pelbagai bidang disiplin ilmu seperti falsafah, astronomi, geografi, kartografi, fizik, kimia, perubatan, farmakologi dan lain-lain. Contohnya Ibn Hazm (994-1064 M) yang merupakan ilmuan Islam yang agung di Andalus. Beliau juga seorang ahli fikir, sasterawan dan juga hakim. Beliau mampu menguasai pelbagai bidang ilmu. Malah terdapat ramai lagi ulama dan cendikiawan Islam yang turut memberi sumbangan besar dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan ini seperti Ibn Firnas (m. 888M) dan Yahya al-Ghazali. (m. 865).

Di atas landasan kefahaman yang mendalam tentang epistemologi Islam, satu peradaban Islam yang hebat telah berjaya dibangunkan. Ia kemudiannya mencapai kemuncaknya pada zaman kegemilangan samada di Timur Tengah, Eropah dan Asia Tenggara. Pada abad ke 12 masihi, peradaban Islam terbukti telah mendominasi dunia terutama di Afrika, Asia dan Andalusia dan juga sebahagian besar Eropah (Azhar, 2017 & Nursyahirah 2018)). Berikut adalah antara pencapaian tamadun Islam mengikut bidang akan dihuraikan di bawah;

Ilmu Astronomi dan Sains

Firman Allah SWT :

> *"Tidakkah orang-orang kafir mahu memikirkan sesungguhnya langit dan bumi dahulu pada asalnya bercantum satu lalu Kami pisahkan antara kedua-duanya...."*.
>
> (Surah Al-Anbiyaa', Ayat 30)

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

Mengambil inspirasi daripada wahyu Allah S.W.T di atas, Islam di Andalus telah melahirkan ramai ahli astronomi terkemuka. Abu al-Qasim Maslamah al-Majriti telah menubuhkan sekolah astronomi dan astrologi di Andalus. Beliau telah menghasilkan karya mengenai astrolab dan sebuah buku mengenai aritmetik perdagangan serta mengenai daftar astronomi Khawarizmi. Manakala Ibrahim bin Yahya Al-Naqas yang masyhur sebagai Ibn Al-Zarqali (Azarchel) dikenali dengan penciptaan astrolab (peralatan mencerap langit untuk mengukur kedudukan matahari, bulan, bintang dan planet) dan penentuan waktu gerhana matahari (Mohd. Ali, 2017)

Tokoh lain dalam bidang astronomi yang sangat berpengaruh adalah Ibn al-Haitham dan al-Battani. Karya al-Battani yang terkenal adalah kitab "*al-Zij*" yang dijadikan rujukan para astronomi ternama dunia. Al-Farghani juga merupakan astronomi terkemuka pada abad ke-9. Beliau berusaha untuk mengetahui diameter bumi, jarak dan juga diameter dari beberapa planet lainnya. Karyanya yang terkenal ialah "*Kitab fī Jawami' dan ʿIlm al-Nujum*" (Abdullah, S. 2018).

Pemerintah telah memberikan perhatian yang serius terhadap perkembangan ilmu dan sains di Andalusia. Sebanyak 17 buah pusat pendidikan dan 70 buah perpustakaan awam ditubuhkan . Buku-buku diimport daripada kota Damsyik, Baghdad, Konstantinopel, Kaherah, Makkah, Madinah, Kufah, dan Basrah. Perpustakaan di Cordova sahaja dikatakan memiliki koleksi sejumlah 400 ribu jilid buku. Manakala perpustakaan diraja yang dibina atas arahan al-Hakam II pula mempunyai 40 buah bilik yang setiap satu bilik menempatkan sejumlah 18 ribu buku (Abdullah, S. 2018).

Kitab Mizanul Hikmah (*The Scale of Wisdom*) yang ditulis oleh Abdul Rahman al-Khazini pada tahun 1121, adalah satu karya asas dalam ilmu fizik pada abad pertengahan. Al-Kahzini telah mewujudkan *tabel* berat jenis benda cair dan padat dan berbagai teori dalam bidang fizik. Trigonometri pengantar kepada risalah astronomi daripada Jabir ibnu Aflah, dari Seville, ditulis oleh Islah al-Majisti pada pertengahan abad dua belas, berisi tentang teori-teori trigonometrikal (Manan, 2020).

Said al-Andalusi dalam kitab "*Tabaqat al-Umm*" telah mengemukakan pandangannya yang jelas tentang sains dan hubungannya antara alam dan Pencipta. Kitab ini telah memberikan satu tasawwur yang terperinci terhadap pembinaan tamadun yang menjadikan sains sebagai asas pada abad ke 10 atau tentang pensejarahan dan falsafah sains mengikut pandangan Said al-Andalusi. Selain itu kitab ini juga telah memaparkan sumbangan dan pencapaian paling hebat cendikiawan Islam pada masa lalu yang mana turut dijelaskan bahawa kefahaman rakyat atau bangsa terhadap istilah sains dan serta usaha-usaha pembangunan negara telah berjaya memajukan tamadun manusia di India, Parsi, Chaldean, Yunani, Rom, Mesir, Arab, Andalusia dan kepada Bani Israel pada abad pertengahan hingga ke abad ke-10 (Mohd Ali, 2017).

Ilmu Geografi dan Kartografi

> *"Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air (hujan) di atasnya, hiduplah bumi itu dan menjadi subur dan menumbuhkan berbagai jenis pasangan (tetumbuhan) yang indah".* (Surah al-Haj, ayat 5)

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

Geografi dalam Islam bermula dalam kurun kelapan dengan karya orang Yunani. Di antara tokoh yang menonjol termasuk Muhammad ibn Musa al-Khwarizmi, Abu Zayd al-Balkhi (Pengasas Sekolah Balkhi) dan al-Biruni. Geografi Islam mencapai kemuncaknya hasil sumbangan besar Muhammad al-Idrisi dalam abad ke-12 (Muchsin, 2021)

Al-Zuhri dalam kitabnya yang berjudul "*al-Jughrafiyyah*" cendikiawan Islam dari Granada telah mengulas mengenai karya yang telah dihasilkan oleh 70 orang sarjana geografi di Baghdad. Al-Mazani pula menghasilkan karya geografi berkaitan dengan perjalanannya yang bertajuk 'Tuhfat al-albab wa al-Nukhabat al-A'jab" dan "*Nukhbat al- Adhan fi Ajaib al-Buldan*".

Antara karya berkaitan ilmu geografi yang masyhur adalah kitab "*Amkina waljibal wal Miyah*" (The Book of Places, Mountains and Waters) dan kitab *Mu'jamul Buldan* (The Persian Book of Places) yang mengandungi himpunan data-data geografi menurut abjad termasuk fakta-fakta tentang manusia dan geografi alam, arkeologi, astronomi, fizik dan geografi sejarah. Al-Mazini di Granada telah menulis geografi Islam Timur dan daerah Volga yang ditulis berdasarkan pengembaraannya (Manan, 2020).

Ilmu Binaan dan Arkitek

Pada abad ke-10 Masihi, Abdul Rahman III (891-961 Masihi) khalifah Islam Umawi tersohor telah memberi sumbangan besar mencipta suasana pembudayaan ilmu di Andalusia yang berinspirasikan kecemerlangan keilmuan yang berjaya dicipta di bandar ilmu di Baghdad. Kecemerlangan ilmu itu diteruskan oleh puteranya yang bergelar al-Hakam II (915 - 976 Masihi). Sepanjang kekuasaan Muslim, kota Cordova dibangun dan diperindah. Jambatan besar dibangun di atas sungai yang mengalir di tengah kota. Taman-taman dibangun untuk menghiasi ibu kota Spanyol Islam. Pohon-pohon dan bunga-bunga diimport dari Timur. Di dalam ibu kota berdiri istana-istana yang megah indah semakin mempercantik pemandangan, setiap istana dan taman diberi nama tersendiri dan di puncaknya terpancang istana Damsyik (Jailani, 2018).

Ilmu Perubatan

Firman Allah SWT :

> *"Kemudian makanlah dari segala (macam) buah-buahan lalu tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu)." Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat obat yang menyembuhkan bagi manusia. Sungguh, pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berpikir"*.
>
> (Surah an-Nahl, ayat 69)

Tamadun Islam juga banyak memberi sumbangan dalam bidang perubatan. Islam telah memperkenalkan kaedah perubatan melalui eksperimen, amali dan pemerhatian. Perubatan dalam Islam terbahagi kepada; Ibnu Hazm telah membahagikan perubatan kepada dua kategori iaitu *Tib al-Nabi* dan *Tib al-Nafs* (perubatan jiwa). Beliau menyatukan dua jenis perubatan ini melalui kaedah kauteri, surgeri serta penyediaan ubat-ubatan. Etika kedoktoran juga mula

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

diperkenalkan berasaskan kelayakan, kebersihan badan, kebersihan pakaian dengan warna putih. Tokoh-tokoh Islam yang terkenal dalam bidang perubatan ialah al-Razi yang telah menghasilkan buku berjudul "*al-Hawi*". Buku ini kemudian sangat masyhur dan digunakan sebagai rujukan di Eropah dalam bidang kimia. Begitu juga buku Ibn Sina dengan karyanya yang berjudul "*al-Qanun fi al-Tib*" yang juga menjadi antara bahan rujukan penting di Eropah. Antara tokoh perubatan lain adalah ibn Nafis dengan karyanya "*al-Syamil fi al-Sina al-Tibbiyyah*" dan al-Zahrawi yang dianggap sebagai bapa bedah moden (Sulaiman & Mohamad, 2011).

Ahmad ibn Ibas dari kota Cordova adalah ahli dalam bidang obat-obatan. Umm Al-Hasan bint Abi Ja'far dan saudara perempuan Al-Hafidz adalah dua orang ahli kedoktoran daripada kalangan wanita.Selain itu, Abu Marwan Ibn Zuhr (Avenzoar) (1094 -1162 Masihi) merupakan keturunan Banu Zuhr berbangsa Arab yang menetap di Seville, Andalusia juga merupakan antara tokoh ilmuan yang hebat dalam bidang ilmu perubatan. Bidang kepakaran beliau ialah berkenaan ilmu perubatan dan juga pembedahan. Antara kitab beliau yang terkenal ialah kitab berjudul *al-Taysir fi al Mundawat wa al-Tadbir* iaitu mengenai ilmu teraputik dan diet (Abdullah, S. 2018).


Ilmu Ketenteraan dan Pelayaran

Islam juga telah menghasilkan teknologi ketenteraan dan pelayaran yang hebat suatu ketika dahulu. Teknologi ketenteraan Islam di China misalnya diasaskan oleh Afendi Shamsudin, di mana beliau berjaya mencipta meriam Hui Hui dan meriam Xiyi. Antara bidang lain yang disumbangkan oleh ilmuan Islam ialah bidang pembinaan kapal serta teknik pelayaran. Ekspedisi pelayaran mereka melrentasi pelbagai lautan termasuklah Lautan Pasifik dan Lautan Hindi. Bidang pelayaran tersebut menerangkan tentang kemahiran teknik berlayar dan dari sudut pembuatan sebuah kapal. Dengan adanya bidang seperti ini maka lahirlah bidang lain yang berkait dengan ilmu pelayaran seperti ilmu astronomi, kaedah kompas serta kaedah mengukur kedalaman air laut (Roslinawati & Mohd Shahril, 2020).

Perbincangan di atas merupakan antara contoh sumbangan ilmu dan pemikiran cendikiawan Islam kepada dunia khususnya dalam bidang-bidang ilmu yang utama demi kemaslahatan hidup manusia. Hari ini dengan berkembangnya tamadun kehidupan manusia kita dapat menyaksikan ratusan bidang-bidang ilmu baharu diteroka oleh umat manusia. Islam sememangnya menganjurkan penerokaan dan penggalian ilmu seseaui dengan tugas khalifah Allah iaitu mengatur urusan dunia dan memelihara namun hendaklah usaha itu dalam rangka kepatuhan kepada Allah SWT. Rajah 1 di bawah dapat menggambarkan cakupan sumbangan ilmuan Islam dalam pelbagai bidang ilmu.

Rajah 1: Sumbangan Imuan Islam dalam Peradaban Dunia

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356



Malangnya kegemilangan tamadun Islam hanya tinggal catatan sejarah sedangkan melestari peradaban adalah usaha penting bagi menjamin kesejahteraan hidup di muka bumi. Usaha membangunkan peradaban umat Islam hari ini hakikatnya berdepan dengan cabaran yang getir. Zaman globalisasi dan pasca moden yang wujud hari ini tidaklah mudah untuk diharungi. Zaman mutakkhir memperlihatkan kelemahan umat Islam dalam banyak aspek. Ia meliputi aspek politik, ekonomi sosial, malahan akhlak dan moralnya. Hal ini disebabkan oleh banyak faktor samada luar atau dalam. Meluasnya fahaman sekularisme yang dipegang oleh dunia termasuk umat Islam adalah cabaran yang besar. Dari segi sejarahnya, Revolusi Perancis di Eropah yang tercetus menjadi titik tolak pengkajian ilmu tabii yang secara terpisah dengan ilmu berkaitan metafizik atau ketuhanan. Gelombang revolusi Perancis ini akhirkan mewujudkan fahaman sekularisme dalam kehidupan manusia sejagat. Pemisahan ini mengakibatkan situasi kering rohani dalam diri manusia. Sekularisme bukan sahaja memisahkan antara urusan politik dan keagamaan malah merengangkan hubungan ilmu fizik dan ilmu metafizika. Sikap buruk para gereja yang menindas ilmuan Eropah akhirnya menjadikan para ilmuan Eropah membenci agama dan golongan Gereja (Alias, 2017)

Perkembangan sains dan teknologi sejak abad ke 20 hingga kini telah dikuasai oleh Barat. Mereka memperalatkan sepenuhnya teknologi moden untuk menguatkan cengkamannya ke atas masyarakat dunia termasuklah umat Islam. Kelahiran dan kemunculan falsafah pasca modernisme menjadi cabaran kepada kebangkitan kekuatan jati diri umat Islam. (Kasdi et al., 2022)Apa yang dimaksudkan dengan modenisme itu yang asalnya daripada perkataan "*moderna"* yang bererti manusia adalah makhluk yang bebas daripada sesuatu termasuklah Tuhan. Fahaman ini berpegang kepada penekanan kepada akal dan rasionalisma sebagai kriteria tertinggi ilmu dan sekaligus menolak penggunaan wahyu. Mereka menyebarluaskan slogan "*lakukanlah sesuatu perkara menurut acuan anda sendiri*". Sebagai contoh Prof. Nasr menjelaskan bahawa Peter the Venerable sebagai orang yang cuba mentafsirkan semula makna al Quran serta menterjemahkanya ke dalam bahasa Latin sejak 900 tahun yang lalu. Begitu juga seorang lagi orientalis besar yang bernama Noldeke dan Danis. (Ab Aziz, 2020)

Budaya hedonisme juga merupakan antara cabaran zaman moden yang perlu dihadapi oleh umat kini. Hedonisme menurut pengertian Kamus Dewan ialah pegangan atau pandangan

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Ia berkait juga dengan sikap suka berhibur, suka kepada hiburan sehingga boleh melalaikan seseorang dari tujuan utama mereka diutuskan di atas muka bumi. Demikian juga pemikiran liberal yang juga mempunyai hubungan dengan pemikiran pluralisme agama yang ingin melihat semua agama itu pada kedudukan yang sama. Tokoh dari kalangan Kristian turut menolak pluralisme agama. Pada tahun 2000, Vatican menerbitkan penjelasan Dominus Jesus (Riduan & Ahmad Adnan, 2009) Penjelasan ini, selain menolak gagasan pluralisme. Di samping itu, minat remaja terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan, humor, seram dan lucah turut memberikan kesan yang negatif kepada pegangan nilai akhlak para remaja sehingga merencat usaha membina peradaban Islam yang cemerlang

Cabaran yang dibincangkan di atas perlukan jalan penyelesaian kerana Allah SWT telah memilih umat Islam sebagai umat terbaik yang memikul amanah utk memelihara agama Allah dan memakmurkan dunia.

Epistemologi Islam Asas Pembinaan Peradaban Islam Kontemporari

Manusia merupakan elemen penting yang memainkan peranan untuk membangunkan peradaban. Manusia perlu membangunkan dan mengembangkan segala aspek dan potensi diri agar tamadun yang kukuh dapat dibina sebaiknya. Peranan manusia ini seiring dengan tugas utama manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi (Haslinawati & Isa , 2020).

Memahami konsep epistemologi Islam merupakan asas utama pendidikan Islam dan asas paling penting untuk membina hala tuju peradaban Islam masa depan. Epistemologi berasal daripada perkataan Yunani '*episteme'* yang bermaksud ilmu dan *logos* yang bermaksud kajian. Dalam Bahasa Inggeris disebut sebagai '*epistemology'* iaitu suatu bidang ilmu yang mengkaji tentang teori ilmu pengetahuan (*Theory of knowledge*). Epistemologi merupakan cabang falsafah yang membahaskan satu kajian mengenai asal usul, jenis-jenis ilmu dan batasan sesuatu ilmu. Menurut Oxford Dictionary of Sociology (2009), Epistemologi bermaksud *"The Philosophical theory of knowledge on how we know what we know"*. Iaitu tentang bagaimana pengetahuan yang dimiliki diperolehi oleh seorang individu, hakikat ilmu pengetahuan, kebenaran dan kepastian pengetahuan serta hakikat kehendak dan kebebasan manusia dalam pengetahuan. Suatu disiplin ilmu yang bersifat menilai (*evaluative*), menentukan standard (*normative*), menguji (*critical*) serta membahas kebenaran ilmu pengetahuan (Azhar, 2021)

Dalam bahasa Arab, perkataan '*epistemology'* diterjemahkan sebagai *nazariyyah al-ma`rifah*. Imam `Abd al-Fattah Imam di dalam bukunya yang bertajuk *"Madhkal ila al-Falsafah"* menerangkan bahawa istilah *nazariyyah al-ma`rifah* mempunyai dua pengertian iaitu:

a. Pengertian luas yang mengandungi seluruh perbahasan falsafah yang penting serta mempunyai hubungan dengan ilmu pengetahuan seperti ilmu-ilmu psikologi, biologi, sosiologi, sejarah dan sebagainya.
b. Pengertian yang sempit bermaksud ilmu yang membicarakan tentang hakikat ilmu pengetahuan, dasarnya, puncanya, sumbernya, syaratnya, bidangnya dan definisinya.

Sementara itu, Jamil Saliba dalam *al-Mu`jam al-Falsafi* mendefinisikan '*nazariyyah al-ma`rifah*' sebagai perbincangan mengenai hakikat ilmu, sumber asalnya, ketinggian nilainya, cara mendapatkannya serta skopnya. Selain daripada itu, Wan Mohd Nor Wan Daud,

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

mendefinisikan istilah 'epistemologi' sebagai "falsafah yang membicarakan hakikat, makna, kandungan, sumber dan proses ilmu" (Muhammad & Yahya, 2019).

Perbincangan ilmu dalam konteks Islam berkembang dan lahir di atas kebenaran yang bersifat yakin. Ianya dihubungkan dengan teori dan asal usul ilmu yang disebut sebagai epistemologi atau teori ilmu pengetahun. Melalui epistemologi inilah sesuatu ilmu itu berdiri, berkembang dan membentuk pandangan semesta (***tasawwur atau world view***) seseorang Muslim terhadap sesuatu perkara.

Integrasi Ilmu Asas Utama Epistemologi Islam

Epistemologi Islam membahagikan ilmu kepada dua kategori iaitu ilmu fardu ain. Ilmu yang wajib dipelajari oleh semua Muslim dan tidak menuntutnya adalah berdosa. Seperti ilmu akidah, feqah dan ilmu akhlak atau tasawuf. Ilmu fardhu ain ini merupakan tonggak agama Islam.

Dalam Islam, ilmu fardu ain bertaraf keyakinan dalam matlamat akhir sesuatu perkara yang mempunyai unsur-unsur kebenaran secara mutlak. Sesuatu yang benar itu seharusnya mempunyai elemen yang dipercayai kebenarannya secara yakin tanpa ada unsur keraguan, kesamaran dan prasangka terhadapnya. Dalam erti kata yang lain, sesuatu yang diterima sebagai benar itu adalah berasaskan kepada *`ilm al-yaqin*. Konsep *`ilm al-yaqin* ialah ilmu yang boleh mendedahkan sesuatu secara jelas, di mana sebarang keraguan dan kemungkinan wujudnya kesilapan dan kesamaran (*al-wahm*) di sekitarnya tidak pernah difikirkan oleh seseorang yang memiliki ilmu tersebut. *`Ilm al-yaqin* juga adalah ilmu yang tidak mungkin wujudnya unsur kekeliruan, kesalahan dan kesamaran di mana seseorang itu tidak boleh membatalkan ilmu berciri tersebut atau mempercayai bahawa ianya boleh dibatalkan. Istilah 'yakin' adalah jauh berlawanan dengan '*shakk'*, '*wahm'* dan '*zann'*. Konsep 'yakin' ini amat ditekankan dalam epistemologi Islam, di mana hal-hal yang melibatkan persoalan akidah Islam dan syariah memerlukan taraf keyakinan yang tinggi dalam pencapaian sesuatu matlamat. Dalam soal akidah, seorang muslim semestinya mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menyatakan ketauhidannya kepada Allah S.W.T. Manakala dalam bidang syariah pula, pemakaian *`ilm al-yaqin* amat penting dalam peringkat pembuktian sesuatu kes tanpa wujudnya sebarang keraguan dalam sesuatu bukti yang *qat`i*. Ilmu fardhu ain bersifat mutlak. Ilmu ini memimpin manusia mengenal Allah dengan sebenar-benar makrifat. Ia menjadi santapan rohani dan pedoman hidup. (al-Ghazali, t.t))

Ilmu fardu kifayah pula merupakan ilmu yang wajib dilaksanakan oleh sesebuah komuniti Islam yang baligh dan berakal bagi menjaga kepentingan umat Islam. Sekiranya dilakukan oleh segolongan, maka orang lain terlepas daripada tanggungjawab.

Mohd Radhi Ibrahim (2019) dalam kajiannya pula membahagikan ilmu kepada dua bahagian iaitu ilmu mengenal Allah (Fardu Ain) dan Ilmu berkaitan ciptaan Allah (Fardu Kifayah). Kedua-duanya sama penting dalam pembangunan peradaban manusia.

Ulama Islam terdahulu terbukti telah menguasai ilmu fardu ain sebelum menguasai ilmu fardu kifayah seperti ilmu sains, ilmu perubatan, ilmu kejuruteraan, sains tabii, matematik, perubatan dan sebagainya. Sarjana dan cendekiawan Islam terdahulu bukan sahaja pakar geografi dan astronomi malah mahir bidang al-Quran dan akidah. Natijahnya keilmuan

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

mereka tidak menjadikan mereka jauh dan lalai daripada Allah SWT malah semakin khusyuk dan tawadhuk kepada kebesaran Allah. Keseimbangan yang dicapai oleh cendikiawan Islam dahulu dalam memahami ilmu fardu ain dan fardu kifayah serta integrasi antara ilmu naqli dan aqli merupakan kunci kejayaan dan inilah yang perlu diusahakan oleh para pemimpin dan penguasa umat Islam masa kini. Umat Islam hari ini dituntut memahami dengan sempurna konsep epistemologi Islam.

Maksud integrasi dari sudut bahasa ialah gabungan antara dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian dan lain-lain) menjadi satu kesatuan (yang utuh) (Kamus Dewan, 2020). Manakala ilmu pula diambil daripada perkataan Arab dan bermaksud pengetahuan, ia juga seerti dengan kepandaian dan kemahiran. Epistemologi Islam berdiri di atas sumber *naqliyyah* (wahyu) dan memberi ruang kepada aspek-aspek *`aqliyyah* yang berasaskan penyuburan akal dan perkembangan pemikiran manusia. Perbincangan ilmu dalam Islam merupakan suatu acuan yang sepadu iaitu gabungan antara akidah, syariah dan akhlak yang akhirnya membentuk tunjangan ilmu yang bersifat saintifik dan kemanusiaan seperti ilmu sains, teknologi, ekonomi dan seumpamanya.

Dalam konteks perbincangan ini, “integrasi ilmu” bermaksud gabungan atau kesatuan antara jenis-jenis ilmu pengetahuan yang berbeza atau antara ilmu dan perkara lain di luar konteks ilmu. Kesatuan ilmu dalam konteks yang sama boleh berlaku antara pelbagai disiplin ilmu yang ada seperti antara ilmu-ilmu naqli iaitu ilmu yang bersumberkan wahyu umpamanya antara ilmu akidah dengan ilmu hadis, ilmu fiqh dengan ilmu tasawuf dan seumpamanya. Integrasi disiplin ilmu Islam ini telah berlaku dalam sejarah intelektual Islam. Namun, ia menimbulkan pertikaian apabila sarjana setiap disiplin tersebut membina *manhaj* tersendiri hingga membentuk aliran yang berbeza seperti *Ahl al- Hadith, Fuqaha', Ahl al-Ra'y dan Mutakallimin* . Integrasi antara aliran yang berbeza ini diperlukan oleh umat Islam semasa bagi merungkai permasalahan yang mereka hadapi. Integrasi sesama ilmu naqli sangat penting untuk mewujudkan kekuatan kepada umat Islam. Permasalahan perbezaan pandangan dapat dirungkai sekiranya subur sifat-sifat terpuji dalam hati setiap Muslim (Radhi, 2019).

Kepentingan ilmu naqli dan aqli diintegrasikan adalah keutamaan. Kekuatan akidah akan mendorong masyarakat Islam cintakan ilmu, bermotivasi untuk meneroka dan mengali ilmu kerana menyahut seruan Allah S.W.T dalam wahyuNya. Dalam ayat al-Quran misalnya Allah telah merakamkan dalam surah al-Mulk, ayat 3 yang terjemahannya: *“Dia yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis. Kamu sekali-kali tidak melihat dalam penciptaan Tuhan yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang. Maka lihatlah berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang?”* Wahyu Allah ini menjadi ilham kepada umat Islam sehingga mendorong manusia untuk mengkaji dan meneliti sehingga mampu melahirkan cabang ilmu pengetahuan yang pelbagai. Antaranya bidang ilmu botani, astronomi dan biologi dan seterusnya dapat meningkatkan keimanan serta mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

Peranan ilmu akidah, peranan ilmu feqah dan peranan ilmu tasawuf hendaklah diperhalusi diteliti berdasarkan hadis Jibril AS. Akidah membina mnausia berakidah dan percaya kepada pencipta, ilmu feqah membimbing ubudiyyah yang sempurna kepada Allah S.W.T dan tasawuf melestari nilai dan perkasa kualiti iman dan hubungan seorang hamba dengan Allah S.W.T. Keseimbangan ini melahirkan manusia bertaqwa yang sangat diperlukan

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

bagi membangun peradaban Islam. Integrasi ilmu juga berlaku antara jenis ilmu yang berbeza seperti ilmu *Naqli* dengan ilmu *Aqli* iaitu ilmu yang berasal daripada akal manusia seperti fizik, komunikasi dan kejuruteraan. Integrasi ilmu *Naqli* dan *Aqli* bermaksud paduan antara ilmu yang bersumberkan wahyu (*Naqli*) dengan ilmu yang bersumberkan dari akal manusia (*Aqli*) (Radhi Ibrahim, 2022).

Sementara itu, integrasi ilmu dengan perkara di luar konteks ilmu pula ialah seperti integrasi ilmu dan amal (Malkawi, 2011). Ilmu lebih bersifat teori manakala amal bersifat praktikal. Gabungan antara dua perkara ini amat penting dalam menentukan kejayaan hidup setiap individu. Ketiadaan integrasi antara ilmu dan amal boleh menyebabkan implikasi negatif terhadap individu Muslim. Hal ini demikian kerana ilmu tanpa amalan tiada hasilnya, demikian juga amalan tanpa ilmu akan terjebak kepada pengamalan yang salah.

Contoh lain integrasi ilmu dengan perkara yang di luar konteks ilmu ialah ilmu dengan iman. Ilmu yang diperoleh manusia melalui pelbagai proses sama ada sumber daripada wahyu, rasional, pemerhatian atau uji kaji sewajarnya digunakan untuk semakin mengenali Allah S.W.T dan mengukuhkan keimanan terhadap kewujudan dan keagungan Allah S.W.T. Meneliti sejarah kegemilangan tamadun Islam masa silam adalah terletak kepada kefahaman umat Islam dahulu terhadap Islam yang syumul, kedalaman faham mereka tentang epstemologi Islam secara terperinci. Dorongan keagamaan telah menyebabkan para sarjana Islam mengkaji secara tekun, sabar, dedikasi dan yang terpenting ialah pengkajian dan penyelidikan serta produktiviti diaplikasi secara beretika berdasarkan garis panduan syariat Islam. Seterusnya, mereka telah meningkatkan taraf ilmu tersebut ke tahap yang amat tinggi untuk diwarisi oleh tamadun berikutnya, khususnya Eropah.

Kemunduran umat Islam hari ini disebabkan mereka kurang menitikberatkan ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan gagal memahami kandungan al-Qur'an yang membincangkan pelbagai prinsip ilmu yang menjadi asas kejayaan para sarjana dalam tamadun Islam. Al-Qur'an sentiasa menggalakkan umat Islam untuk menggunakan akal dan bekerja keras untuk berjaya di dunia dan di akhirat. Dalam usaha untuk mencapai kejayaan, Islam tidak menuntut manusia untuk memberi tumpuan hanya kepada keperluan rohaniah tetapi juga menyeru manusia supaya mengkaji kandungan al-Qur'an yang berkaitan dengan keperluan material manusia. Hal ini kerana ilmu naqli dan ilmu 'aqli mempunyai kepentingan dan peranan masing-masing dalam kehidupan manusia. Ilmu naqli melengkapkan manusia dengan aspek-aspek kerohanian, manakala ilmu aqli menyediakannya peluang untuk mencapai kejayaan di dunia ini (Adibah. et al., 2016).

Barisan paling hadapan yang memikul tugas penting adalah cendikiawan dan ulama. Di Malaysia para cendikiawan islam dan para ulama hendaklah mempunyai fikrah dan tasawwur yang jelas dan mampu menyampaikan nya kepada segenap lapisan masyarakat. Para Pendidik samada di Institusi Pengajian Tinggi mahupun di sekolah-sekolah bertanggungjawab memberi *world view* yang jelas tentang epistemologi. Perlu dijelaskan keindahan Islam dari sudut cakupan dan keseimbangan ilmu dunia dan akhirat. Pada sisi yang lain para ulama dan pendakwah berperanan memberi kefahaman kepada anggota masyarakat tentang peranan ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Ini kerana kefahaman yang sahih akan mendorong keapada penghayatan yang sahih sehingga akhirnya sebuah tamadun dapat dibangunkan secara cemerlang. Hakikat ini di sokong oleh Haslinawati & Isa (2020) dalam kajiannya. Kefahaman

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

yang utuh kepada konsep epistemologi Islam pada segenap lapisan lapisan masyarakat perlu diusahakan. Sebagai contoh memahami kedudukan akidah Islam sebagai tonggak paling penting epistemologi Islam akan memberi asas atau pasak yang kukuh dalam diri masyarakat. Mukmin yang teguh akidah kepada Allah sebagai raja alam semesta akan mastikan tindakannya dalam urusan dunianya mematuhi panduan dan perintah Allah meskipun kejayaan yang dicapai dalam bidang ilmu aqli sangat tinggi dan membanggakan. Fenomena cabaran ini turut dititikberatkan oleh Ismail et al., (2022) dalam kajiannya "*Cabaran Islam Dalam Menghadapi Sains dan Teknologi Abad ke- 21: Analisis Pemikiran Prof Dr Syed Hussain Nasr*". Menurut Abdul Ghani et al., (2020) memetik pandangan Alias bin Azhar menerusi kajiannya bertajuk "*Sains Dan Teknologi Dalam Ketamadunan Islam: Analisa Epistemologi Dan Metodologi (Science and Technology in Islamic Civilization: Analysis of Epistemology and Methodology)" yang* menyatakan bahawa Sains dan teknologi telah berkembang dengan cara yang teratur berdasarkan objektif kajian saintifik. Inovasi dan penciptaan sains dan teknologi dipengaruhi oleh epistemologi dan metodologi. Al-Quran sebagai wahyu Allah yang sempurna merupakan sumber ilmu yang agung dan mengandungi keajaiban dan luar biasa. Al-Qur'an adalan kitab yang konfrehensif mencakupi pelbagai bidang ilmu, tidak ada satu ilmu yang terlepas dari sudut pandangan al-Qur'an. Antaranya dari aspek sains fizik, sains hayat dan sains astronomi.

Meskipun sarjana Kristian Eropah banyak bergantung kepada kepakaran sarjana muslim dalam merintis jalan kebangkitan Eropah, namun tidak ramai penulis sejarah sains Barat yang menonjolkan sumbangan sarjana-sarjana Muslim dalam penulisan mereka. Ini kerana kebanyakan mereka adalah penulis anti-Islam yang amat fanatik. Mereka menafikan segala sumbangan besar saintis Muslim dan beranggapan bahawa mereka saintis Muslim itu hanyalah sebagai penterjemah karya-karya yang telah dihasilkan oleh saintis dan ahli falsafah Yunani. (Burjur Avari, 2013) Namun begitu ada juga segelintir sarjana mereka yang mengaku secara jujur dan menghargai sumbangan sarjana Muslim. Oleh yang demikian, tanggungjawab untuk mengembalikan semula kegemilangan peradaban Islam adalah di tangan umat Islam sendiri. Usaha memberikan kefahaman tentang epistemologi Islam kepada seluruh umat khususnya cerdik pandai Islam hendaklah dipergiatkan. Semoga dengan cara ini umat Islam semakin cinta kepada Islam dan berjihad memartabatkannya.

Kitab *Tabaqat al-Umam* merupakan bukti pencapaian tinggi umat Islam dalam bidang Sains dan teknologi. Kitab *Tabaqat al-Umam* sebuah karya agung ulama Islam menjelaskan fungsi dan kedudukan sains, dan bagaimana pula pencapaian sains dalam kerangka tersebut berupaya menjadi pemangkin kepada kemajuan tamadun bangsa-bangsa terdahulu? Bagaimana bangsa-bangsa yang disebut berupaya memajukan bidang sains yang bersifat integrasi dan holistik hingga mampu mengharmonikan sains dengan kepercayan kepada Tuhan dan pembentukan akhlak mulia. Berbeza dengan ketamadunan dan kemajuan berasaskan sains yang lazim difahami oleh manusia zaman sekarang.

Sheikh Nuruddin al-Raniri turut menghuraikan takrifan tentang alam dan sains sebagaimana beliau nyatakan dalam Kitab "*Dur al-Fara'id bi Sharh al-Aqa'id*". Beliau menjelaskan bahawa tiga sumber ilmu ialah pancaindera, khabar Sadiq (wahyu, berita yang benar) dan akal. Al-Raniri turut membahaskan bagaimana akal boleh menjadi sumber ilmu bagi seseorang manusia bahkan menjelaskan melalui penggunaan akal yang sihat seseorang dapat mencapai keyakinan akan kewujudan Tuhan. Beliau menggambarkan bagaimana keadaan

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

seseorang itu apabila melihat sebuah mahligai yang tersergam indah di tengah padang pasir. Ia tentu akan berfikir bahawa wujud seorang tukang yang menghasilkannya. Malah lebih dari itu tukang tersebut mestilah sangat pandai dan bijaksana. Demikian juga apabila kita merenung kejadian manusia dan makhluk lain di bumi ini, dengan keindahan dan kehebatan yang ada pada semua makhluk ini tentunya ia mencerminkan kehebatan dan kebijaksanaan yang teramat tinggi dan tidak terperi Penciptanya. Dari gambaran ini beliau menegaskan bahawa yang ilmu itu tentunya bersifat suci jika datangnya dari minda yang sihat dan bijaksana.

Dalam bukunya "*Masa Hadapan Islam: Bentuk Idea Yang Akan Datang*' Ziauddin Sardar menekankan bahawa sains adalah alat yang asas untuk menyelesaikan masalah dalam sebarang peradaban. Tanpa sains, peradaban tidak dapat memelihara struktur politik dan sosial atau memenuhi keperluan asas rakyat dan budayanya. Pendeknya sains adalah alat yang membentuk peradaban: ia adalah pernyataan fizikal terhadap pandangan hidupnya. Malangnya, kewujudan sains yang diajar di kebanyakan universiti di negara-negara Islam adalah berdasarkan sains Barat, dengan demikian menyebabkan umat Islam tidak dapat keluar daripada kemunduran yang membelenggu mereka kerana sains Barat adalah berdasarkan falsafah Barat, sementara asas pandangan dunianya adalah sama sekali berbeza dengan sains Islam. Peranan sains moden dalam mencipta kemunduran dunia Islam merupakan dimensi yang sangat penting untuk dikaji, terutamanya berkaitan epistemologi Islam dan pengkajian terhadap status sains dan teknologi dalam konteks dunia Islam hari ini (Al-Attas, 2010).

Integrasi antara naqli dan aqli menjadikan kefahaman yang jelas pada konteks agama, sains, sosial, dan spiritual. Dengan memahami hubungan yang mendalam antara aspek-aspek tersebut, umat Islam dapat memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh tentang kehidupan dan makna di dalamnya. Islam menghargai kemampuan manusia untuk menggunakan akal secara rasional, tetapi juga mengakui batasan dan kekurangan akal manusia. Memahami keseimbangan antara akal dan wahyu, umat Islam dapat menghindari ekstremisme dan mengejar pengetahuan yang seimbang. Dasar-dasar tersebut adalah selari dengan kehendak Islam yang mana menekankan pinsip-prinsip kebenaran dan keadilan dalam pelbagai aspek dalam kehidupan.

Kerangka ilmu berasaskan ajaran al-Quran membolehkan sarjana Muslim untuk berurusan dan menerima ilmu yang dibawa oleh tamadun asing tanpa menjejaskan akidah atau pegangan agama umat Islam. Lantaran itu, sarjana Muslim mampu membangunkan ilmu aqli berdasarkan permerhatian dan penelitian terhadap alam yang turut disertai oleh sarjana daripada pelbagai latar belakang agama.Jelasnya hanya mukmin yang teguh akidah sahaja yang mampu menyebarkan kemakmuran di dunia ini tanpa ditipu oleh dorongan negatif yang merosakkkan cita-cita dan hasrat. Kerana itu antara topik penting dalam epistemologi Islam adalah kategori ilmu dan tuntutan ilmu-ilmu tersebut difahami sebaiknya oleh seorang Muslim.

KESIMPULAN

Epistemologi Islam merupakan perkara penting yang perlu difahami oleh setiap Muslim. Epistemologi Islam meletakkan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama kebenaran serta pengetahuan dalam Islam. Dengan mempelajari prinsip-prinsip epistemologi, umat Islam dapat memahami keabsahan dan kekuatan wahyu sebagai sumber pengetahuan yang unik serta

https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i2.356

keistimewaannya yang dapat menjelaskan pada akal. Sejarah memcatatkan bahawa umat Islam telah berjaya menerokai bidang ilmu dan memberi sumbangan besar kepada peradaban Dunia. Selagi al-Quran dan Hadis bersama umat Islam, adalah masih belum terlambat untuk umat Islam khususnya para ulama dan cendikiawan Islam mengatur langkah dan strategi bagi merintis usaha membina peradaban Islam yang gemilang sebagai khalifah Allah di muka bumi.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Abdul Ghani, R., Mohamad Shahril Zainuddin Politeknik Sultan Abdul Halim Mu, dan, Shah, adzam, Abstrak, K., & Kunci, K. (2020). Sains dan Teknologi Menurut Perspektif al-Quran: Satu Tinjauan.

Abdullah, S. (2018). "Pembudayaan Ilmu Di Andalusia Dan Iktibarnya Untuk Pembangunan Tamadun di Malaysia". *Jurnal PERADABAN*, *11*(1), 1–23. https://doi.org/10.22452/peradaban.vol11no1.1

Adibah Sulaiman @ Mohamad, Ezad Azraai Jamsari, & Nurliyana Mohd Talib. (2016). Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi: The Concept of Knowledge According to the Perspective of Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, *38(2)*, 93–102. https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/16918/5993

Al-Ghazali, t.t. Ihya' Ulumiddin. Beirut: Dar Ibn Hizm.

Azhar, A. (2017). Sains Islam Vs Sains Barat: Analisis Amalan dan Perbandingan: [Islamic Science Vs Western Science: Practices and Comparative Analysis]. *Ulum Islamiyyah*, *21*, 25–41. https://doi.org/10.33102/uij.vol21no0.21

Burjor Avari (2013), *Islamic Civilization in South Asia*, London : Routledge.

Haslinawati Wan Hassan, W., & Isa Hamzah, M. (2020). Tamadun Islam Dan Tamadun Barat: Prospek Masa Depan Ke Arah Pembangunan Peradaban Manusia

Ibn Khaldun. (1967). *The Muqaddimah an Introduction to History* (F. Rosenthal, Trans.): Princeton University Press.

Ibrahim, M. R. (2019). Memahami Sains Islam Melalui Pembentukan Kerangka Ilmu dalam Epistemologi Islam: Understanding Islamic Science through the Framework of Knowledge in Islamic Epistemology. *'Abqari Journal*, 20(2), 99-115. https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.217

Ibrahim, M. R. (2022). *Integrasi Ilmu Menurut Epistemologi Islam*. USIM Press.

Ismail, K., Haji Yahya Zikri2, S., Zulkifli, A. S., & Abdul Rahman, A. (2022). Cabaran Islam Menghadapi Sains dan Teknologi Abad Ke 21: Analisa Pemikiran Prof Dr Seyyed

Hossein Nasr: The Challenge of Islam on Science and Technology Towards 21st Century: Analysis of Seyyed Hoesein Nasr's Thought. Jurnal Pengajian Islam, 140–153. Retrieved from https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/192

Jailani, I. (2018). Kontribusi Ilmuwan Muslim Dalam Perkembangan Sains Modern. *Jurnal Theologia*, 29(1), 165-188. doi:https://doi.org/10.21580/teo.2018.29.1.2033

Jarman al-Roisi, Hamid Fahmy (2023) , The Relevance of Contemporary Epistemology on Existing Knowledge: A Critical Analysis of Western Scientific Worldview according to al-Attas Perspective, *AFKAR.* Vol. 25, No. 2

Kamaludin, M. (2021). *Ilmu Sosial dan Budaya Dasar dalam Bingkai Keislaman*. UMMPress.

Makmor Tumin. (2021) *Falsafah Politik Barat Masa kini: Metafizik dan Tokoh*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Manan, N. A. (2020). Kemajuan dan Kemunduran Peradaban Islam di Eropa (711M-1492M). Jurnal Adabiya, 21(1), 54. https://doi.org/10.22373/adabiya.v21i1.6454

Mohd Ali, M. Z. (2017). *Sains Sebagai Asas Pembinaan Tamadun: Kajian Terhadap Kitab Tabaqat Al-Umam Oleh Sa'Id Al-Andalusi (1029-1069)* [Thesis (PhD) *Sains Sebagai Asas Pembinaan Tamadun: Kajian Terhadap Kitab Tabaqat Al-Umam Oleh Sa'Id Al-Andalusi (1029-1069)*]. http://eprints.usm.my/id/eprint/38726

Muchsin, Misri Abdul. "Sumbangan Intelektual Ibn Majid (1432m-1507m) dalam Geografi Pelayaran di Pesisiran Afrika Timur: Kajian Terhadap Karya-Karyanya Terpilih: The Intelectual Contribution of Ibn Majid (1432m-1507m) in The Geography of Navigation on The Coast of East Africa: A Study of His Selected Works." *Jurnal Pengajian Islam* 14.2 (2021): 56-69.

Muhammad, A., & Yahaya Jusoh. (2019). *Epistemologi dalam Al-Quran: sains ketuhanan.* Malaysia: Penerbit UTM Press.

Nur Syahirah & Mohd. Syukri (2021), Epistemologi Sains Halal: Kajian Ayat-Ayat Al-Qur'an Terpilih dalam Jurnal Sains Humanika 14 :1 UTM.

Riduan Mohd Nor & Ahmad Adnan Fadhil. 2009. Islam Liberal dan Pluralisme Agama. Kuala Lumpur: Jundi Resources.

Sulaiman, M., & Mohamad, A. S. @. (2011). Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS)-Edisi Lengkap. In ddms.usim.edu.my. Universiti Sains Islam Malaysia. https://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/590

Syed Muhammad Naquib Al-Attas, (2010) Dewesternisasi ilmu. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*, 1 (2). pp. 3–20.

Wan Fariza Alyati et.al (2018) Prosiding Ilmuwan Usuluddin di Malaysia : Memperkasa Pembangunan Negara dan Perpaduan Ummah. Selangor : Firdaus Press Sdn Bhd.

Zidan Abid Maulana (2023), Hakikat Ilmu Perspektif Syekh Abdul Qodir Al-Jailani Dalam Kitab Sirrul Asrar. *Jurnal Sosial dan Humoinura.* Vol 1 No 2.